

## **KAEDAH HAFAZAN AL-QURAN DENGAN FAHAM SIYAQ**

Muhammad Zakir Husain<sup>1</sup>, Ahmad Baha<sup>2</sup>, Ismail  
Abdullah<sup>3</sup>, Sarinah Yahya<sup>4</sup>, Yusfariza Yussop<sup>5</sup>  
Syazanna Yusof<sup>6</sup>

### **Abstrak**

Kaedah hafazan al-Quran telah banyak diperkenalkan di seluruh negara Islam termasuk di Nusantara. Namun begitu, kebanyakan kaedah-kaedah hafazan al-Quran yang dilaksanakan oleh institusi-institusi tahfiz al-Quran di rantau ini hanya tertumpu kepada kaedah hafazan teks sahaja. Al-Quran bukan sahaja dituntut supaya dihafal teksnya semata-mata, malah kefahaman ayat dan konteknya juga adalah satu tuntutan supaya al-Quran terpelihara daripada sebarang tambahan dan pengurangan. Maka objektif kertas ini adalah untuk memperkenalkan satu kaedah hafazan dengan memahami kontek (siyiq) ayat. Kajian ini adalah menggunakan metode kulitatif bagi membina satu kaedah hafazan

---

<sup>1</sup> Pensyarah, Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Email: zakir.husain@unissa.edu.bn.

<sup>2</sup> Pensyarah, Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Email: baha.mokhtar@unissa.edu.bn.

<sup>3</sup> Penolong Kanan Profesor, Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Email: ismail.abdullah@unissa.edu.bn.

<sup>4</sup> Penolong Profesor, Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Email: sarinah.yahya@unissa.edu.bn.

<sup>5</sup> Pensyarah, Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Email: yusfariza.yussop@unissa.edu.bn.

<sup>6</sup> Penolong Pensyarah, Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Email: syazanna.yusof@unissa.edu.bn.

berdasarkan kontek ayat. Kajian ini mendapati bahawa kaedah hafazan al-Quran dengan cara memahami kontek (siyaq) ayat boleh dijadikan satu kaedah dalam proses hafazan al-Quran serta memahaminya.

**Kata kunci:** Hafazan al-Quran, faham siyaq, kaedah hafazan.

## PENDAHULUAN

Hafazan al-Quran adalah satu keistimewaan umat Muhammad sallallahu ‘alaihi wa sallam. Antara sifat umat Muhammad sallallahu ‘alaihi wa sallam yang tersebut di dalam kitab-kitab dahulu:

قال رب إني أجد في الألواح أمة أناجيلهم في صدورهم يقرؤونها  
وكان من قبلهم يقرؤون كتابهم نظرا حتى إذا رفعوها لم يحفظوا  
 شيئا... قال: رب اجعلهم أمتي! قال: تلك أمة أَمْد!<sup>7</sup>

*Bermaksud: “Berkata (Nabi Musa ‘alaihissalam): Ya Allah! aku dapati telah tercatat di dalam lambaran-lambaran kitab, satu umat yang injil-injil (kitab-kitab) mereka tersimpan (hafal) di dalam dada-dada mereka. Sedangkan umat sebelumnya membaca kitab mereka dengan melihatnya (tidak hafal). Apabila kitab tersebut diangkat mereka tidak mengingatinya lagi kerana mereka tidak menghafalnya... Ya Allah jadikanlah mereka itu umatku! Firman Allah: Itulah umat Ahmad”.*

---

<sup>7</sup>Muhammad bin Jarir al-Tabari, *Jami‘ al-Bayan fi Ta’wil al-Qur'an*, (Beirut: Muassasah al-Risalah, 2000), 13:124.

Penghafalan al-Quran semenjak ia diturunkan hingga ke hari ini adalah bukti kebenaran janji Allah Subhanahu wa Ta'ala sebagaimana firmanNya yang bermaksud : “*Sesungguhnya Kami-lah yang menurunkan Al-Qur'an, dan Sesungguhnya Kami benar-benar memeliharanya*”.<sup>8</sup> Dan realitinya hingga ke saat ini Allah SWT telah memudahkan proses penghafalan al-Qur'an dalam pelbagai bentuk. Sekiranya sejarah telah mencatatkan keajaiban hafalan al-Quran yang telah berlaku dalam kalangan ulama pada zaman silam, pada zaman ini juga dapat disaksikan melalui internet keajaiban hafalan al-Qur'an yang menakjubkan yang berlaku dalam kalangan umat Islam.<sup>9</sup> Ini benar-benar telah membuktikan janji Allah Subhanahu wa Ta'ala untuk menjamin ketulenan al-Qur'an daripada penambahan dan pengurangan.

## **KAEDAH HAFAZAN AL-QURAN**

Menurut tradisi ulama Islam semenjak dahulu, hafalan al-Quran adalah syarat terpenting bagi seorang pelajar yang ingin menuntut ilmu. Mereka meletakkan syarat pertama bagi seorang yang ingin belajar ilmu agama metilah seorang yang telah

---

<sup>8</sup> Surah al-Hijr (15): 9.

<sup>9</sup> Sebagai contoh, seorang anak yang kurang upaya Ahamd Musallam telah hafal al-Quran dengan cara yang sangat menakjubkan. Sila rujuk: Youtube:

<https://www.youtube.com/watch?v=XJwVaEXUT9A&t=6s>.

dilayari pada ‧.10.2021. Dan Husain al-'Abdali yang mampu khatam al-Quran hanya dalam masa lima jam setiap hari. Sila rujuk: Youtube:

<https://www.youtube.com/watch?v=DXViVUJYKo> dilayari pada ‧.10.2021.

menghafal al-Qur'an dengan sempurna. Ini telah dinyatakan oleh Imam Nawawi rahimahullah:

وأول ما يبتدىء به حفظ القرآن العزيز فهو أهم العلوم ، وكان السلف لا يعلمون الحديث والفقه إلا ملن حفظ القرآن، وإذا حفظه فليحضر من الاستغفال عنه بالحديث والفقه وغيرهما استغفالاً يؤدى إلى نسيان شىء منه أو تعرىضه للنسيان، وبعد حفظ القرآن يحفظ من كل فن مختصراً ، ويبدأ بالأهم ومن أهمها الفقه وال نحو ثم الحديث والأصول ثم الباقي على ما تيسر. <sup>١٠</sup>

*"Perkara yang pertama dimulai olehnya (penuntut) ialah hafal al-Qur'an kerana ia adalah ilmu yang terpenting. Adalah golongan salaf tidak akan mengajar hadis dan fiqh kecuali setelah seseorang itu hafal al-Qur'an. Jika ia telah hafal al-Quran hendaklah ia sentiasa menjaganya jangan sampai sibuk mempelajari ilmu hadis dan fiqh atau yang lainnya hingga menyebabkan ia lupa al-Quran. Setelah ia berjaya hafal al-Qur'an barulah ia menghafal kitab-kitab yang ringkas daripada setiap ilmu".*

Demikian tradisi ulama salaf terhadap menghafal al-Quran yang perlu dikekalkan sampai bila-bila, kerana al-Quran adalah sebuah kitab yang diturunkan untuk dihafal. Ia berbeza daripada kitab-kitab yang diturunkan sebelumnya. Proses hafalan telah dimulakan oleh Nabi SAW. Iaitu dengan cara baginda mendengar Jibril a.s. membacanya. Setelah

---

<sup>10</sup> Abu Zakaria Muhy al-Din Yahya bin Sharaf al-Nawawi, *al-Majmu ' Sharh al-Muhadhdhab*, Beirut: Dar al-Fikr, 1:38.

itu, baginda akan mengulang semula bacaan tersebut kepada Jibril a.s. Maka ini adalah metode terbaik dalam menghafal al-Quran. Selain itu, terdapat banyak riwayat daripada tokoh-tokoh ulama al-Quran tentang kaedah-kaedah penghafalan al-Quran yang diamalkan oleh generasi awal Islam. Antaranya riwayat ‘Abd Rahman al-Sulami rahimahullah:<sup>11</sup>

حدثنا من كان يُفْرِئنا من أصحاب رسول الله إنهم كانوا يأخذون من رسول الله صلى الله عليه وسلم عشر آياتٍ فلا يأخذون في العشر الأخرى حتى يعلموا ما في هذه من العلم والعمل قال فتعلمنا العلم والعمل .

*Beliau berkata: “Kami diceritakan oleh orang yang mengajarkan al-Quran daripada kalangan sahabat Nabi SAW. Mereka hanya mengambil/mempelajari daripada Nabi SAW sepuluh ayat. Mereka tidak akan menambah sepuluh ayat berikutnya selagi mereka tidak mengetahui ilmu yang terkandung di dalamnya dan selagi mereka tidak beramal dengannya. Beliau berkata: Kami belajar ilmu dan mengamalkannya.*

Menurut Abu al-‘Aliah rahimahullah pula:<sup>12</sup>

تعلموا القرآنَ خمسَ آياتٍ خمسَ آياتٍ فإنه أحفظُ عليكم وجريل  
كان ينزل به خمسَ آيات خمسَ آيات .

<sup>11</sup> ‘Abd Rahman bin Abu Bakr al-Suyuti, *al-Durr al-Manthur fi al-Tafsir bi al-Ma’thur*, (Mesir: Dar Hajar, 2003), 3:295.

<sup>12</sup> Syams al-Din Muhammad bin Ahamad al-Dhahabi, *Siyar A ‘lam al-Nubala*', (Kaherah: Dar al-Hadith, 2006), 5:119.

*“Belajarlah al-Quran lima ayat, lima ayat kerana ia dapat membantu kamu dalam menguatkan hafalan. Adalah Jibril menurunkannya lima ayat, lima ayat”.*

Jelas daripada riwayat-riwayat di atas kaedah hafalan al-Quran yang baik adalah dihafal berperingkat-peringkat dengan jumlah yang ditentukan. Hal ini sesuai dengan penurunan al-Quran secara berperingkat-peringkat sebagaimana firman Allah SWT di dalam surah al-Furqan yang bermaksud:

*“Berkatalah orang-orang yang kafir: “Mengapa Al Qur'an itu tidak diturunkan kepadanya sekali turun saja?” Demikianlah supaya Kami perkuat hatimu dengannya dan Kami membacanya secara tartil (teratur dan benar) ”.*

Surah al-Furqan (25): 32.

Ayat ini menunjukkan bahawa al-Quran itu tidak diturunkan sekaligus, tetapi diturunkan secara beransur-ansur agar dengan cara demikian hati Nabi Muhammad SAW menjadi kuat dan tetap. Dan hafalannya menjadi kukuh.

Kini, metode-metode hafalan al-Quran telah berkembang begitu pesat. Terlalu banyak metode hafalan al-Quran yang digunakan oleh umat Islam di seluruh dunia.<sup>13</sup> Terdapat banyak buku untuk dijadikan rujukan berkaitan topik ini.<sup>14</sup> Tetapi apa

---

<sup>13</sup> Sebagai contoh terdapat 25 metode hafalan al-Quran diperkenalkan di dalam sebuah laman sosial “riadh.al.jannah”: <https://www.facebook.com/riadh.al.jannah1/posts/442124855862560/>. telah dilayari pada: 05.03.2023

<sup>14</sup>Terdapat laman-laman web yang mengumpul bahan-bahan bacaan tentang metode-metode hafalan al-Quran. Antaranya:

yang menarik perhatian adalah kebanyakan metode-metode hafazan yang sedia ada, lebih tertumpu kepada cara menghafaz teks sahaja. Tidak banyak ditemui kaedah-kaedah hafalan yang dibangunkan untuk menghafal bersama kefahaman ayat. Menurut dapatan daripada kajian bertajuk “*Pembinaan Modul Hafalan Al-Qur'an Berdasarkan Tematik Ayat Bagi Membantu Penguasaan Pemahaman Al-Qur'an dalam Kalangan Huffaz*”, menjelaskan “bahawa kaedah kefahaman ayat kurang diberi perhatian dalam perlaksanaan pengajaran dan pembelajaran tahfiz”.<sup>15</sup> Atas kesedaran tersebut, maka artikel ini adalah satu usaha untuk mengutarakan satu metode hafazan menggunakan pendekatan metode siyaq. Sebelum ini, metode siyaq hanya digunakan dalam ilmu tafsir bagi memahami hubung kait antara ayat-ayat al-Quran. Maka metode ini akan digabungkan dengan keaedah hafalan supaya membangunkan satu pendekatan kaedah hafalan al-Quran dengan memahami isi kandungannya.

---

<https://hefzmoyaser.com/%D8%A3%D8%B1%D9%88%D8%B9%D9%83%D8%AA%D8%A8%D8%AD%D9%81%D8%B8%D8%A7%D9%84%D9%82%D8%B1%D8%A2%D9%86%D8%9F%D9%83%D8%AA%D8%A8/>. Telah dilayari pada: 09.02.2021.

<sup>15</sup> Kajian ini dilaksanakan oleh Mohd Abdul Nasir Abd Latif& Ahmad Zulfiqar Shah Abdul Hadi. Telah diterbitkan pada April2020. Untuk bacaan lanjut sila layari:

<https://ojie.um.edu.my/article/view/24110/11633>.

Lihat halaman: 3. Telah dilayari pada: 09.02.2021.

## DIFINISI SIYAQ

Siyaq adalah istilah dalam bahasa Arab. Secara khusunya istilah ‘siyaq’ banyak digunakan oleh ulama dalam bidang tafsir dan ilmu-ilmu al-Quran. Biasanya digunakan untuk memahami makna dari sesuatu perkataan ayat dalam al-Quran. Atau ia juga dijadikan sebagai metode bagi memilih salah satu pendapat, jika terdapat perbezaan pendapat terhadap sesuatu fakta tentang al-Quran.<sup>16</sup> Terdapat berbagai huraian ulama berkaitan pengertian siyaq:

Abdul Hakim Al-Qasim membahagikan pengertian siyaq kepada tiga jenis:<sup>17</sup>

a) **Pengertian Siyaq:**

”تابع الكلام وتساقه وتقاوده“ bermaksud:  
“ungkapan yang berturut dan beriringan”.

b) **Pengertian Dalalah al-Siyaq:**

”فهم النص بمراجعة ما قبله وما بعده“ bermaksud:  
“Memahami teks dengan memerhatikan apa yang sebelum dan sesudahnya”.

c) **Pengertian Dalalah al-Siyaq fi al-tafsir:**

”بيان اللفظ أو الجملة في الآية بما لا يخرجها عن“  
”السابق واللاحق إلا بدليل صحيح يجب التسليم له“

---

<sup>16</sup> Abdul Hakim al-Qasim (2009), *Dalalah al-Siyaq al-Qurani wa Atsharuha fi al-Tafsir*, Arab Saudi: Dar al-Tadammuriyah. hal. 62.

<sup>17</sup> Abdul Hakim al-Qasim (2009), *Dalalah al-Siyaq*, hal. 62.

Bermaksud: “*Kefahaman terhadap lafaz atau frasa dalam suatu ayat yang tidak boleh dikeluarkan dari konteks ayat sebelum dan sesudahnya tanpa ada bukti jelas*”.

Menurut Al-Muthanna Abd al-Fattah Mahmud pula:

تابع المعاني وانتظامها في سلك الألفاظ القرآنية لتبلغ  
غايتها الموضوعية في بيان المعنى المقصود دون انقطاع أو  
انفصال.

Bermaksud: “*hubungkait makna antara kosakata Al-Quran untuk memahami tema dalam menjelaskan maksud ayat supaya tidak terputus*”.<sup>18</sup>

Dan Ahmad Lafi Falah Al-Mutiri juga berpendapat:

بيان الكلمة أو الجملة القرآنية منتظمة مع ما قبلها وما بعدها.

Bermaksud: “*Penjelasan kata atau frasa ayat melalui konteks ayat sebelum dan sesudahnya*”.<sup>19</sup>

<sup>18</sup> al-Mutsanna abdul Fattah Mahmud (2008M), Nazhariyyah al-Siyaq, Yordania: Dar Wael. hal. 15.

<sup>19</sup> Ahmad Lāfi Falāh Al-Muthiri(2005M), Dalalah al-Siyaq al-Qurani fi Tafsir Adhwa' al-Bayan, Yordania: Dar Wael. hal. 14.

## PENGGUNAAN SIYAQ DALAM ILMU TAFSIR

Terdapat ramai ulama tafsir yang menggunakan metode siyaq dalam menafsirkan ayat al-Quran. Antara mereka ialah Muslim bin Yasar. Menurut kitab Fadhl al-Quran, Muslim bin Yasar pernah menegaskan tentang siyaq Al-Quran sebagai berikut:

إِذَا حَدَثَتْ عَنِ اللَّهِ حَدِيثًا فَقُفْ فَقْ حَتَّى تَنْظُرَ مَا قَبْلَهُ وَمَا بَعْدَهُ.

Bermaksud: “*Jika kamu ingin berbicara tentang kalamullah, janganlah kamu terus berbicara, tetapi hendaklah kamu berhenti, dan melihat apa yang sebelumnya dan apa yang sesudahnya*”.<sup>20</sup> Kenyataan beliau ini jelas menegaskan supaya tafsiran sesuatu ayat perlu berasaskan kefahaman ayat sebelum dan selepasnya. Atau dalam kata lain perlu digunakan metode siyaq.

Selain itu, Imam al-Tabari juga menggunakan kata siyaq dalam memilih pendapat yang dianggapnya lebih baik, beliau berkata:

توجيه الكلام إلى ما كان نظيرا في سياق الآية أولى من توجيهه إلى ما كان منعدلا عنه.

Bermaksud: “*menghubungkan makna suatu kata kepada kata yang memiliki kesamaan arti dalam satu*

---

<sup>20</sup> al-Qasim bin Salam (1995M). Fadhl al-Quran, Beirut: Dar Ibn Kathir. hal. 377.

*konteks ayat (سياق الـيـة), lebih baik daripada diarahkan kepada kata yang memiliki arti yang berbeza”.*<sup>21</sup>

Sebagai satu contoh penggunaan siyaq dalam ilmu tafsir ialah tafsiran bagi perkataan “فظاً” dalam surat Al Imran:

﴿فِيمَا رَحْمَةٌ مِّنَ اللَّهِ لِنَتَ هُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًا غَلِيلِظَ الْقُلُبِ  
لَا نَفَضُّلُوا مِنْ حَوْلِكَ﴾

Bermaksud: “Maka disebabkan rahmat dari Allah-lah kamu berlaku lemah lembut terhadap mereka. Sekiranya kamu bersikap keras lagi berhati kasar, tentulah mereka menjauahkan diri dari sekelilingmu”. (QS. Ali Imran: 159)

Makna asal perkataan “فظاً” bermaksud “segala bentuk kekasaran dan kekerasan”. Sama ada, kasar pada ucapan atau kekerasan hati.<sup>22</sup> Namun, jika dilihat melalui siyaq dan kontek dalam ayat ini, dapat difahami bahawa perkataan “فظاً” diiringi oleh perkataan “القلب غليظ” bermaksud “keras hati”.

Maka secara tidak langsung makna “فظاً” di dalam ayat tersebut menjadi terbatas hanya bagi kekerasan dalam ucapan sahaja. Karena jika kedua-duanya ditafsirkan dengan makna kekerasan hati, ia

<sup>21</sup> Al-Thahabari, Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Quran, Beirut: Muassasah al-Risalah, jilid 3 hal. 136.

<sup>22</sup> Ibn Manzur, Muhammad bin Mukrim ((2005). *Lisan al-Arab*, Beirut: Dar Sadir. j. 5, hal. 136.

dianggap sia-sia kerana maknanya akan menjadi berulang dua kali. Ulasan tersebut telah dijelaskan oleh Imam Ibn Kathir.<sup>23</sup>

## TINJAUAN KAJIAN

Usaha untuk mengintegrasikan antara metode tahfiz al-Quran dan faham siyaq adalah bertujuan supaya dapat menggabungkan antara hafalan dan kefahaman ayat. Menurut pemerhatian yang telah dilakukan mendapati bahawa buku-buku berkaitan metode tahfiz al-Qur'an telah banyak diterbitkan sebagai panduan dalam menghapaz al-Qur'an, di antaranya buku yang ditulis oleh Jilani Ben Touhami Meftah, bertajuk *Kaedah Hafazan al-Qur'an Secara Berselang* terbitan UNISSA Press tahun 2018. Buku ini memberi fokus kepada cara mengatur hafazan dan ulangan. Tetapi tidak menjelaskan cara menghafaz al-Qur'an dan menghubungkaitkan hafazan tersebut dengan makna ayat-ayat al-Qur'an yang tersirat di dalam susunan sesuatu surah. Manakala buku tulisan Muhammad Toriq bin Yakob yang bertajuk *Kaedah Hafazan al-Qur'an Model Malaysia*, diterbitkan pada 2019 oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Buku tersebut hanya menyentuh tentang metode menghafal al-Qur'an dengan menggunakan kaedah talaqqi dan musyafahah serta tikrar dan tasmik. Begitu juga dengan buku yang ditulis oleh Saied al-Makhtum dan Yadi Iryadi bertajuk *Karantina Hafal Quran Sebulan*, diterbitkan pada 2017 oleh CV. Alam Pena, Indonesia. Penulis buku tersebut hanya menggunakan kaedah mengulang,

---

<sup>23</sup> Ibn Kathir, Abu al-Fida' Isma'il (2000), *Tafsir al-Quran al-Azhim*. Mesir: Muassasah Qurtubah., j. 2 hal. 148.

memperdengarkan dan menghayati serta menulis. Terdapat juga artikel bertajuk “Metodologi Penting Bantu Huffaz Kekalkan Hafazan” yang disiyarkan di dalam akhbar Berita Harian pada 13 November 2020. Artikel tersebut hanya memberi penekanan kepada kaedah hafalan semata-mata, tanpa memberi penekana pada kefahaman ayat.

Daripada penelitian di atas dapat dirumuskan bahawa metode tahniz dengan menggunakan siyaq masih kurang diperkenalkan sebelum ini. Kebanyakan buku-buku kaedah atau metode menghapaz al-Qur'an yang terdapat di pasaran atau di dalam internet lebih banyak memberi fokus kepada kaedah menghapaz teks al-Qur'an sahaja. Atas kesadaran bahawa al-Quran bukan sahaja perlu dihafal bahkan ia juga perlu difahami sebagaimana firma Allah ayat 29 surah Sad:

﴿كِتَابٌ أَنزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبَارِكٌ لِيَدْبُرُوا آيَاتِهِ وَلِيَتَذَكَّرَ أُولُو الْأَلْبَابِ﴾

Bermaksud: “(Al-Quran ini) sebuah Kitab yang Kami turunkan kepadamu (dan umatmu wahai Muhammad), -Kitab yang banyak faedah-faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya, dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar”.

Maka kajian ini mendapati metode siyaq al-Quran yang telah dipraktik di dalam ilmu tafsir sangat sesuai untuk digabungkan dengan metode hafalan. Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini bahawa siyaq al-Qur'an secara ringkasnya adalah memahami sesuatu ayat dengan memerhati konteks ayat sebelum dan sesudahnya, kecuali jika ada dalil lain yang menunjukkan konteks

tersebut tidak sesuai digunakan bagi ayat berkenaan. Kejayaan menerapkan kaedah faham siyaq dalam proses hafalan tentu ia mengukuhkan hafalan tersebut kerana dengan memahami ayat yang dihafal seseorang akan membantu untuk mengingat ayat tersebut. Faham siyaq ayat sebelum menghafal pula akan menjadikan seseorang itu memahami kaitan antara perkataan-perkataan di dalam sesuatu ayat serta hubungannya dengan ayat-ayat sebelum atau sesudahnya. Apabila telah memahami kaitan antara perkataan-perkataan di dalam sesuatu ayat, tentu akan dapat memberi fokus kepada kata-kata kunci yang ada di dalam ayat tersebut. Setelah maklumat ini disusun dengan baik, proses hafalan akan menjadi lebih cepat dan kuat.

## **OBJEKTIF KAJIAN**


- i. Memperkenalkan suatu metode yang mudah untuk menghafal al-Qur'an.
- ii. Membantu pengukuhan hafalan al-Quran berserta pemahaman ayat-ayatnya.
- iii. meningkatkan motivasi untuk menghafal al-Quran.

## **METODOLOGI**

Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah metode kualitatif. Pengumpulan data dan maklumat yang diperlukan dalam kajian ini adalah menggunakan kaedah penyelidikan kepustakaan. Data yang dikumpul adalah daripada sumber primer seperti kitab-kitab tafsir dan terjemahan al-Quran

dalam bahasa Melayu. Manakala data sekunder pula diambil daripada kajian-kajian berkaitan tafsir, siyaq dan kaedah hafazan juzuk dua yang telah dihasilkan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini. Setelah semua data terkumpul, data tersebut dianalisis bagi menghasilkan tema bagi maqta' (kelompok ayat al-Quran), mengeluarkan siyaq lafaz, membina dan menghubungkan siyaq makna antara ayat-ayat al-Quran dan mencari hubung kait antara satu halaman ke halaman yang berikut:

### RAJAH PROSES PEMBINAAN KADEAH HAFAZAN AL-QURAN DENGAN FAHAM SIYAQ



### DAPATAN KAJIAN

Kaedah siyaq telah lama digunakan oleh ulama dalam ilmu tafsir. Penggunaan kaedah tersebut adalah untuk mengetahui makna kontek ayat, sama ada dalam sesuatu ayat atau kontek ayat-ayat yang sebelumnya atau sesudahnya. Terdapat beberapa

aspek daripada kaedah siyaq yang dapat digunakan untuk membina kaedah hafazan al-Quran:

- i. Siyaq Maqta'
- ii. Siyaq Lafaz
- iii. Siyaq Makna
- iv. Siyaq Safhah


**Siyaq Maqta'**: Siyaq ini terbina melalui analisis kelompok ayat-ayat al-Quran yang mempunyai tema yang sama. Biasanya Siyaq Maqta' bagi satu halaman al-Quran antara dua hingga empat. Proses hafalan akan lebih mudah jika ayat-ayat yang akan dihafal dikelompokkan dalam tema-tema tertentu. Di samping itu, pemahaman tentang tema ayat akan menjadikan hafalan lebih kukuh.

**Siyaq Lafaz**: Siyaq Lafaz terbina melalui analisis terhadap lafaz-lafaz yang serupa atau hampir serupa. Terdapat beberapa perkataan yang sama berulang di dalam satu halaman. Mengetahui Siyaq Lafaz akan mempercepatkan proses hafalan dan membantu menghilangkan kekeliruan terhadap ayat yang serupa.

**Siyaq Makna**: Siyaq Makna terbina melalui analisis terhadap hubungkait antara ayat-ayat. Mengetahui hubungkait antara ayat-ayat akan mempercepatkan proses hafalan dan membantu bagi menghayati ayat yang dihafal.

**Siyaq Safhah**: Siyaq Safhah terbina melalui analisis terhadap hubungkait antara halaman ke halaman yang baru. Mengetahui hubungkait antara halaman akan sangat membantu dalam mengatasi kekeliruan sambungan antara akhir halaman dengan halaman yang baru bagi mereka yang hafaz al-Quran.

## RAJAH LANGKAH-LANGKAH HAHALAN KAEDAH SIYAQ



## KESIMPULAN

Terdapat banyak kaedah-kaedah hafazan al-Quran yang telah diperkenalkan pada masa kini. Tetapi kebanyakannya kaedah-kaedah tersebut hanya tertumpu kepada kaedah hafazan teks sahaja. Oleh sebab memahami al-Quran juga adalah suatu tuntutan, maka timbul kesedaran untuk merintis satu kaedah yang dapat integrasi antara pemahaman ayat dan hafalan supaya dapat membantu proses hafalan dan pemahaman ayat al-Quran sekaligus. Setelah mengkaji dan meneliti didapati metode siyiq yang

digunakan dalam ilmu tafsir dapat digunakan untuk mencapai objektif tersebut. Kajian awal ini juga mendapatkan bahawa kaedah hafazan menggunakan faham siyaq belum dilaksanakan dalam kaedah-kaedah hafalan al-Quran sebelum ini. Semoga setelah kaedah ini sempurna dihasilkan ia akan dapat menjadi panduan hafazan kepada golongan penghafal al-Quran.

## RUJUKAN

Muhammad bin Jarir al-Tabari, *Jami‘ al-Bayan fi Ta’wil al-Qur’ān*, (Beirut: Muassasah al-Risalah, 2000).

Abu Zakaria Muhy al-Din Yahya bin Sharaf al-Nawawi, *al-Majmu‘ Sharh al-Muhadhdhab*, Beirut: Dar al-Fikr.

‘Abd Rahman bin Abu Bakr al-Suyuti, *al-Durr al-Manthur fi al-Tafsir bi al-Ma’thur*, (Mesir: Dar Hajar, 2003).

Syams al-Din Muhammad bin Ahamad al-Dhahabi, *Siyar A‘lam al-Nubala’*, (Kaherah: Dar al-Hadith, 2006).

Abdul Hakim al-Qasim, *Dalalah al-Siyaq al-Qurani wa Atsharuha fi al-Tafsir*, (Arab Saudi: Dar al-Tadammuriyah, 2009).

Al-Muthanna Abd Fattah Mahmud, *Nazhariyyah al-Siyaq*, (Jordan: Dar Wael, 2008M).

Ahmad Lāfi Falāh Al-Muthiri(2005M), *Dalalah al-Siyaq al-Qurani fi Tafsir Adhwa’ al-Bayan*, Yordania: Dar Wael.

Al-Qasim bin Salam, *Fadhal al-Quran*, (Beirut: Dar Ibn Katsir, 1995M).

Al-Thahabari, *Jami‘ al-Bayan fi Ta’wil al-Quran*, Beirut: Muassasah al-Risalah.

Ibn Manzur, Muhammad bin Mukrim, *Lisan al-Arab*, (Beirut: Dar Shadir, 2005M).

Ibn Kathir, Abu al-Fida' Isma'il, Tafsir al-Quran al-Azhim, (Mesir: Muassasah Qurtubah, 2000).

### **RUJUKAN LAMAN WEB:**

Youtube:

<https://www.youtube.com/watch?v=IICjxwCIih8>.

Youtube:

<https://www.youtube.com/watch?v=DXVi->

VUJYKo.“Riadh.Al.Jannah”:

<https://www.facebook.com/riadh.al.jannah1/posts/42124855862560/>.

Laman Hafz Moyassar:

<https://hefzmoyaser.com/%D8%A3%D8%B1%D9%88%D8%B9-%D9%83%D8%AA%D8%A8%D8%AD%D9%81%D8%B8-%D8%A7%D9%84%D9%82%D8%B1%D8%A2%D9%86-%D8%9F%D9%83%D8%AA%D8%A8/>.

Universiti Malaya:

<https://ojie.um.edu.my/article/view/24110/11633>.